



Wednesday, 24 May 2017 / Kosmo

DUKE Fasa 2 mulai beroperasi

Laluan baharu 9km kurangkan 40 peratus kesesakan di Jalan Pahang

DUKE Fasa 2 mulai beroperasi

Oleh IKHWAN IDERIS

KUALA LUMPUR - Orang ramai yang kerap tersangkut dalam kesesakan lalu lintas di Jalan Pahang boleh memilih menggunakan laluan alternatif, Tun Razak Link yang mula beroperasi pada pukul 8 malam tadi.



FADILLAH

Laluan sepanjang 9 kilometer (km) itu merupakan sebahagian daripada projek Lebuh Raya Duta-Ulu Kelang (DUKE) Fasa 2 menghubungkan Jalan Tun Razak ke Lebuh Raya DUKE sedia ada menghala ke Jalan Duta dan Karak

di Persimpangan Bertingkat Sentul Pasar. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, pembukaan laluan baharu itu dijangka mampu mengurangkan kesesakan di sepanjang Jalan Pahang kira-kira 40 peratus. Menurut beliau, kerja-kerja penambahbaikan dan penurapan semula Jalan Pahang yang terjejas berikutan pembangunan laluan baharu itu telah dimulakan oleh syarikat konsesi, Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn. Bhd. (Kesturi) iaitu

syarikat usahasama antara EkoVest Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). "Pembinaan laluan ini lewat sedikit disebabkan ia terletak di kawasan tumpuan yang menyebabkan sesetengah kerja pembinaan boleh dilakukan selepas pukul 12 tengah malam. "Secara keseluruhannya, pembangunan DUKE Fasa 2 ini sudah siap 97 peratus, kita ada dua laluan utama iaitu Tun Razak Link dan Sri Damansara Link sepanjang 7km dijangka akan dibuka pada Ogos atau September ini," kata beliau selepas merasmikan Tun Razak Link petang

Laluan DUKE Fasa 1 dan Fasa 2



semalam. Hadir sama Ketua Pengarah Lebuhraya Malaysia, Datuk Ismail Md. Salleh dan Pengarah Urusan EkoVest Bhd. & Kesturi, Datuk Seri Lim Keng Cheng. Menurut Fadillah, kos pembangunan dua laluan berkenaan menelan belanja RMI.2 bilion.